

1103/1

1103/1

Bahasa
Melayu
Kertas 1
September 2012
2 ¼ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2012

BAHASA MELAYU

Tingkatan 5

KERTAS 1

Dua Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[Masa dicadangkan : 45 minit]


[30 markah]

Lihat gambar rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah mengambil sarapan pagi. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan.**

Mengelakkan obesiti

Membekalkan tenaga

FAEDAH SARAPAN PAGI



Mengekalkan kesihatan tubuh badan

Mengawal rasa lapar

Bahagian B
[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Kemahiran menguasai pelbagai bahasa sangat penting untuk memudahkan komunikasi antara satu sama lain.

Sehubungan dengan itu, jelaskan kepentingan penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar.

2. Remaja bersahsiah mulia mampu membangunkan sebuah negara. Oleh sebab itu, ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah murni anak-anak mereka.

Bincangkan.

3. Anda merupakan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan Koperasi (KPDNKK) diminta menyampaikan sebuah ceramah kepada belia-belia di tempat anda. Tajuk ceramah tersebut ialah “Usaha-usaha Kerajaan dalam Melahirkan Masyarakat Berjimat Cermat”.

Sediakan teks ceramah tersebut selengkapnya.

4. Negara-negara di dunia hari ini menghadapi masalah pemerdagangan manusia yang semakin membimbangkan.

Jelaskan tindakan-tindakan berkesan bagi membendung kegiatan tersebut daripada berleluasa.

5. *Remaja amat mahal*

*sesungguhnya
tiada terbeli oleh perjanjian
harga remaja adalah
pendirian
keberanian dan ilmu.*

Berdasarkan petikan sajak ‘Harga Remaja’ di atas, terangkan kepentingan menjaga maruah diri sendiri.

KERTAS SOALAN TAMAT

1103/2

BAHASA MELAYU / P

Kertas 2

September 2012

2 ½ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2012

BAHASA MELAYU

Tingkatan 5

KERTAS 2

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

[Lihat sebelah]

1103/2 © 2012 Hak Cipta MPSM Pahang

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha memupuk perpaduan dan kepentingannya**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan masyarakat yang berbilang etnik dan keturunan. Semua bangsa dapat bekerjasama secara kolektif dan mengamalkan *prinsip-prinsip jitu* untuk perpaduan. Namun hakikatnya tahap perpaduan kita sampai di mana? Peristiwa 13 Mei memaparkan masalah perpaduan yang telah lama berakar umbi. Dalam usaha membendung masalah ini kerajaan menyedari bahawa negara memerlukan satu ideologi untuk terus bersatu.

Rukun Negara menjadi platform membimbing masyarakat ke arah perpaduan kerana tanpa perpaduan di manakah letaknya nilai jati diri kita? Bukan setakat itu sahaja, masyarakat Malaysia hendaklah mengamalkan sikap keterbukaan yang perlu disemai sejak kecil kerana amalan ini membuktikan sebarang usaha mewujudkan perpaduan kaum akan menghasilkan natijah yang berkesan. Hal ini juga menunjukkan sikap keterbukaan menjadi kunci kejayaan pergaulan dan perpaduan. Di sini, masyarakat pelbagai kaum boleh mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat lagi. Ibu bapa juga memainkan peranan besar dalam membentuk sikap yang mulia ini kepada anak-anak mereka. Lagipun ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Hal ini kerana segala yang ada pada ibu bapa sebenarnya akan diwariskan kepada generasi akan datang. Oleh itu ibu bapa perlu memahami tanggungjawab mendidik anak-anak tidak terhad kepada amalan sikap keterbukaan tetapi juga kepada soal adab, asuhan keagamaan dan pembentukan jati diri. Anak-anak juga perlu diterapkan dengan nilai-nilai murni yang universal.

Kerajaan telah memperkasakan sekolah kebangsaan untuk menyatukan generasi muda melalui pendidikan dan bahasa kebangsaan. Dasar Integrasi Nasional juga telah dilancarkan sebagai satu proses dinamik untuk merapatkan masyarakat negeri-negeri di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Melaui Dasar Ekonomi Baru pula, satu lagi usaha untuk mewujudkan kerjasama agar kekayaan negara dibahagikan sama rata antara kaum. Terkini, Program Latihan Khidmat Negara yang menyediakan pelbagai aktiviti yang mampu merapatkan hubungan dan menjalin perpaduan serta menambah kemesraan antara kaum.

Sikap rakyat yang sompong dan enggan bergaul terutamanya di bandar-bandar besar serta tidak prihatin terhadap isu-isu perpaduan dan menganggap isu perpaduan tidak mendarangkan sebarang faedah , akhirnya menjadikan kita semakin jauh . Selain itu, sikap tidak jujur atau tidak adil terhadap orang lain juga menimbulkan rasa tidak puas hati dan dendam yang berpanjangan. Di samping itu, sebilangan rakyat pula tidak memberi kerjasama malah membantah segala program yang dilaksanakan oleh kerajaan .

Jadi kerjasama semua lapisan masyarakat amat diperlukan. Jika rakyat tidak boleh bersikap terbuka, dan sentiasa berprasangka , pasti semua yang kita banggakan terhadap diri kita sendiri sebagai satu bangsa yang bersatu padu akan musnah akhirnya. Oleh itu, demi tanah tumpah darah , kita patut dan rela berkorban bukan untuk kita semua tetapi sebagai contoh kepada generasi akan datang.

(dipetik dan diubah suai daripada
Perpaduan: Di manakah Penghujungnya,
oleh Dr Ahmad Zaharuddin Sani Sabri
Mstar Online, Februari, 2012)

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *prinsip-prinsip jitu* [2 markah]
- (ii) Beberapa masalah dikenal pasti melambatkan pencapaian perpaduan dalam kalangan masyarakat.
Nyatakan masalah-masalah tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah Untuk membentuk perpaduan kaum dalam kalangan pelajar?
Nyatakan **tiga** langkah. [4 markah]

[Lihat sebelah]

Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dia menggelisah, menanggung rasa yang menekan dan menikam hatinya. Kalau dikenangnya nasib diri, terbayanglah hidup yang pahit dan getir, menyengkang mata, dan mengikat perut. Kadang-kadang mempertaruhkan nyawa menjalankan kewajipan sehari-hari. Malah, Kapten Mamat dan kumpulannya menjadi tulang belakang yang kuat menanggung beban kompeni, tetapi ada kalanya, kelasi menerima tuduhan menderhaka di dalam kapal. Ada kalanya dibuang kerja dalam masa 24 jam.

Suara anak menangis telah mengejutkan Kapten Mamat. Dia tidak jadi menung panjang. Suara itu semakin lama semakin tajam menusuk telinganya. Dia menumpukan minat mendengar suara perempuan. Tidak dapat dipastikan kawan gadisnya bercakap, tetapi mereka itu pasti di dapur.

“Jemputlah naik. Dia ada di atas.” Didengarinya suara isterinya menjemput mereka itu naik.

Kapten Mamat bangun mengambil rokok. Dihisapnya sebatang lalu duduk semula. Dia mengingat namanya cukup masyhur baru-baru ini. Mana-mana surat khabar menyiarakan gambarnya. Isi berita ialah sejarah hidup dan mati di laut. Dia runsing memikirkan hal serupa itu. Peristiwa yang paling pahit baginya ialah perkara kecelakaan yang menimpa Baharum.

(Dipetik daripada cerpen
‘Penanggungan’ oleh Wijaya Mala
Dalam antologi Dirgahayu Bahasaku,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Jelaskan peristiwa yang menimbulkan tekanan kepada Kapten Mamat.
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda , apakah usaha-usaha yang boleh diambil bagi menjaga kebajikan pekerja?
[3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** pengajaran yang lain daripada keseluruhan cerpen.
[4 markah]

[Lihat sebelah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat-ayat anda sendiri.

Setelah mandi, Awang Sulung masuk ke petak jubungnya bersalin pakaian pusaka tua warisan daripada bondanya. Kemudian ia pun mengenakan keris dan pedang yang sakti, lalu berjalan keluar.

Pada ketika itu empat puluh empat orang lanun sedang *mencangkuk rombeng gelius panjang* itu dengan besi. Awang Sulung pun berseru, "Hai ketua lanun Si Helang Laut, Si Kecil Muda Teruna, Si Kecil Muda Suara yang berkacak di awan-awan dan bergantung di angin lalu, ambillah Tuan Puteri Dayang Seri Jawa jadikan dia penghalau ayam, penyapu rumah atau penggaru belakangmu!"

Mendengar suara itu lanun-lanun itu mulai gementar. Mereka kenal itulah suara Awang Sulung, "Hai, baru ini kita kiamat, kita sudah derhaka kepada penghulu kita sendiri dan kepada diri kita sendiri!" bisik mereka sesama sendiri.

"Ampun Tuanku, patik tidak tahu bahawa Tuanku rupanya di dalam gelius panjang ini," sembah mereka beramai-ramai dengan tubuh yang gementar.

(Dipetik daripada
'Pelayaran yang Penuh Peristiwa'
Dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Berikan maksud *mencangkuk rombeng gelius panjang*. [2 markah]

(ii) Apakah yang dilakukan oleh Awang Sulung setelah dia selesai mandi?
[3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, mengapakah lanun-lanun tersebut gementar mendengar suara Awang Sulung?

Berikan **tiga** alasan. [3 markah]

[Lihat sebelah]

2(d)- Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BANGKITLAH

Rejab F.I.

Rangkap 1. Anak-anak yang sedang lena

Bangkitlah

Matahari sudah tinggi

Di puncak gunung

Rangkap 2 Lihat jernihnya pagi ini

Burung-burung bertebangan di udara

Dan pepohon hijau merendng daunnya

Apa kau masih belum bangkit?

Rangkap 3 Bangkitlah

Jangan menyesal nanti

Madu bumi yang kekeringan

Isi laut kekosongan

Dan perut belantara menjadi ladang

Rangkap 4 Anak-anak

Esok apa yang akan kaumakan?

Tanah atau batu atau debu?

Kau muahu terus nangis

Tanpa air mata?

Rangkap 5 Kalau tidak

Bangkitlah

Matahari belum lagi rembang

Dan burung-burung belum lagi menjamah awan!

Langit di Tangan,1995

Antologi Dirgahayu Bangsaku

Dewan Bahasa dan Pustaka.

[Lihat sebelah]

- (i) Mengapakah penyajak menasihati anak-anak agar jangan menyesal seperti yang terdapat dalam **rangkap ketiga** sajak di atas.

[2 markah]

- (ii) Pada pendapat anda apakah peranan remaja dalam mencapai wawasan pembangunan Negara.

Nyatakan **tiga** peranan remaja.

[3 markah]

- (i) Nyatakan **tiga** persoalan yang terdapat dalam sajak.

[4 markah]

[Lihat sebelah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) mabuk laut
- (ii) lipat ganda
- (iii) pindah tangan
- (iv) tahan lasak
- (v) harga borong
- (vi) sumpah seranah

[6 markah]

(b) Tukarkan ayat susunan biasa di bawah kepada ayat susunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Menara Berkembar Petronas bangunan pencakar langit negara kita.
- (ii) Pelancong itu sedang membeli cenderamata tetapi rakan-rakannya yang lain telah lama pulang ke hotel.
- (iii) Pemberian hadiah khidmat cemerlang itu daripada majikannya.

[6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyeneraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Dalam zaman pasca modenisasi negara terpaksa menghadapi dengan penyakit merbahaya yang mampu meranapkan peradaban bangsa, yakni pembuangan bayi. Perbuatan ini berupa tanda kepincangan manteliti gulongan muda.

[6 markah]

[Lihat sebelah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Orang yang mengetahui berbagai bahasa tidak mudah dibuli atau diambil kemudahan oleh orang lain.
 - (ii) Kos perbelanjaan untuk membina taman permainan kanak-kanak itu dibayar oleh pihak swasta.
 - (iii) Program Rakan Muda dilaksanakan mengikut gaya hidup tertentu kerana setengah kementerian mempunyai kecekapan dalam bidang tersebut untuk membangunkan belia.
- (e) *Baca peribahasa di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sama maksud dengan peribahasa tersebut.*
- (i) Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung
 - (ii) Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
 - (iii) Genggam bara api biar sampai jadi arang

[Lihat sebelah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Afza Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (ii) Papa ... Akhirnya Kau Tewas karya Deana Yusof
- (iii) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Interlok karya SN Abdullah Hussain
- (vi) Kabus di Perbukitan karya Muhamad Kholid Hamzah
- (vii) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari,uraikan **nilai keberanian** yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari uraikan **satu persamaan teknik plot** yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

(PPT)
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
September 2012
2 $\frac{1}{4}$ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2012

BAHASA MELAYU

Kertas 1

TINGKATAN 5

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Cawangan Pahang**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

1. TUJUAN PENGUJIAN

Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik menganalisis pelbagai bentuk karangan dan menggunakan untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2. LANGKAH-LANGKAH PEMERIKSAAN

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut;

3. KRITERIA PENSKORAN

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan [30 markah]

PERINGKAT / MARKAH	KRITERIA PENSKORAN
CEMERLANG (28 – 30)	<ul style="list-style-type: none">o Karangan menepati tugas bahan rangsangan.o Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat.
(26 – 27)	<ul style="list-style-type: none">o Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik.o Pengolahan menarik, berkesan, dan idea diuraikan dengan jelas dan matang.

<p>KEPUJIAN (23 – 25) (20 – 22)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Karangan menepati tugasan bahan rangsangan. ○ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas. ○ Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. ○ Pengolahan menarik dan berkesan. ○ Idea relevan dengan tugasan dan dihuraikan dengan jelas.
<p>MEMUASKAN (17 – 19) (15 – 16)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Karangan masih menepati tugasan bahan rangsangan. ○ Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata umum. ○ Wacana masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. ○ Pengolahan masih menarik. Huraian idea masih jelas.
<p>KURANG MEMUASKAN (12 – 14) (10 – 11)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Karangan masih / kurang menepati tugasan bahan rangsangan. ○ Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. ○ Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. ○ Pengolahan kurang menarik. Huraian idea kurang jelas.
<p>PENCAPAIAN MINIMUM (06 – 09) (01 – 05)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. ○ Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. ○ Pengolahan : Calon tidak menjawab tugasan.

- **Ungkapan Menarik** : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.
- Kemungkinan – melangkaui peringkat (lihat pemberatan dalam peringkat)

**PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU
KERTAS 1 (1103/1)**

BAHAGIAN B

PERINGKAT / MARKAH	KRITERIA PENSKORAN
CEMERLANG 80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Idea yang relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. ○ Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. ○ Penggunaan kosa kata luas dan tepat. ○ Ejaan dan tanda baca yang betul. ○ Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis. ○ Laras bahasa sesuai dengan tugasan. ○ Penggunaan unsur bahasa bervariasi. ○ Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. ○ Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai, ○ Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
KEPUJIAN 66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Idea yang relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. ○ Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. ○ Penggunaan kosa kata luas dan tepat. ○ Ejaan dan tanda baca yang betul. ○ Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ○ Laras bahasa sesuai dengan tugasan. ○ Penggunaan unsur bahasa <u>masih</u> bervariasi.

	<ul style="list-style-type: none"> ○ Gaya bahasa <u>masih</u> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. ○ Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai, ○ Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
BAIK 51 – 65 (58 – 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Idea <u>masih relevan</u> mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. ○ Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. ○ Penggunaan kosa kata umum. ○ Ejaan dan tanda baca <u>masih</u> betul. ○ Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ○ Laras bahasa sesuai dengan tugasan. ○ Penggunaan unsur bahasa <u>masih</u> bervariasi. ○ Gaya bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. ○ Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan masih sesuai, ○ Wacana masih lengkap.
MEMUASKAN 36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Idea <u>masih relevan</u> mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. ○ Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. ○ Penggunaan kosa kata umum dan terhad. ○ Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ○ Ayat kurang gramatis. ○ Laras bahasa kurang sesuai.

	<ul style="list-style-type: none"> ○ Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. ○ Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. ○ Pengolahan kurang menarik. ○ Wacana masih / kurang lengkap.
KURANG MEMUASKAN 21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraihan tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. ○ Penggunaan kata kurang tepat. ○ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ○ Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. ○ Unsur bahasa tidak bervariasi. ○ Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. ○ Pengolahan tidak menarik. ○ Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak sembiang.
PENCAPAIAN MINIMUM 01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Idea bercampur aduk dan huraihan tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. ○ Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. ○ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ○ Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. ○ Pengolahan tidak menarik. ○ Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak sembiang serta tidak sesuai. ○ Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.

4.0 CARA MENANDA KESALAHAN ISI, EJAAN DAN TANDA BACA

- () - Kesalahan isi
- - Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
- / - Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
- // - Kesalahan ejaan yang berulang
- - Kesalahan tanda baca

5.0 CARA MENULIS MARKAH

Kepujian $\begin{array}{r} K = 75 \\ E = - 1 \\ \hline 74 \end{array}$ ATAU

Kepujian $\begin{array}{r} K = 75 \\ E = - 1 \\ F = - 2 \\ \hline 72 \end{array}$

**SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2012
TINGKATAN 4**

BAHAGIAN A :

Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah mengambil sarapan pagi.

Cadangan idea:

1. Membekalkan tenaga
2. Mengawal rasa lapar
3. Mengelakkan kesihatan tubuh badan
4. Mengelakkan obesiti

BAHAGIAN B :

1	Kemahiran mengusai pelbagai bahasa sangat penting untuk memudahkan kemunikasi antara satu sama lain. Sehubungan dengan itu, jelaskan kepentingan penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar.
	<i>Contoh Isi</i> <ul style="list-style-type: none">a. Memudahkan penguasaan ilmub. Dapat berhubung dengan masyarakat duniac. Senang mendapat pekerjaand. Seiring dengan tuntutan globalisasie. Memudahkan komunikasif. Boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan dan tempat

<p>2</p>	<p>Remaja bersahsiah mulia mampu membangunkan sesebuah negara. Oleh sebab itu, ibu bapa memainkan peranan penting membentuk sahsiah murni anak-anak mereka.</p> <p>Bincangkan.</p>								
	<p><i>Contoh Isi</i></p> <ul style="list-style-type: none"> a. <i>Memperuntukan masa berkualiti bersama anak-anak</i> b. <i>Memnekankan kecemerlangan akademik</i> c. <i>Penghayatan terhadap ilmu agama</i> d. <i>Menyelami perasaan atau masalah dialami anak-anak</i> e. <i>Memenuhi keperluan anak-anak</i> f. <i>Mengenali rakan anak-anak masing-masing</i> 								
<p>3</p>	<p>Anda merupakan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan (KPDNK) diminta menyampaikan sebuah ceramah kepada belia-belia di tempat anda. Tajuk ceramah tersebut ialah “Usaha-usaha Kerajaan dalam Melahirkan Masyarakat Berjimat Cermat”.</p> <p>Sediakan teks ceramah tersebut selengkapnya</p>								
	<p>i. <u>Format : Ceramah</u></p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 70%;">Dua markah akan dipotong jika tiada;</td> <td style="width: 30%;"></td> </tr> <tr> <td>Kata alu-aluan</td> <td style="text-align: right;">1m</td> </tr> <tr> <td>Kata Sapaan (cth: tuan/puan di tengah-tengah)</td> <td style="text-align: right;">1m</td> </tr> <tr> <td>Penutup (Cth Terima kasih)</td> <td style="text-align: right;">1m</td> </tr> </table> <p style="text-align: center;"><i>(maksimum 2 markah)</i></p> <p>ii. <u>Contoh Isi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> a. <i>Kempen secara berkala, besar-besaran</i> b. <i>Pelaksanaan saham-saham amanah</i> c. <i>Penerapan dalam mata pelajaran di sekolah</i> d. <i>Kedai rakyat 1 Malaysia dan kewujudan koperasi di merata tempat</i> e. <i>Bekerjasama dengan pelbagai agensi separa kerajaan dan swasta dalam menggalakkan aktiviti menabung seperti kelab TAH, Kelab NURI, Kelab Penabung Bijak dan kempen menyimpan wang saku lebihan</i> f. <i>Mewujudkan pertandingan eseji, melukis poster dan sebagainya.</i> 	Dua markah akan dipotong jika tiada;		Kata alu-aluan	1m	Kata Sapaan (cth: tuan/puan di tengah-tengah)	1m	Penutup (Cth Terima kasih)	1m
Dua markah akan dipotong jika tiada;									
Kata alu-aluan	1m								
Kata Sapaan (cth: tuan/puan di tengah-tengah)	1m								
Penutup (Cth Terima kasih)	1m								

4	<p>Negara-negara di dunia hari ini menghadapi masalah pemerdagangan manusia yang semakin membimbangkan.</p> <p>Jelaskan tindakan-tindakan berkesan bagi membendung kegiatan tersebut daripada berleluasa.</p>
	<p><i>Contoh Isi</i></p> <ul style="list-style-type: none">a. Sekatan sempadanb. Rondaan diperaian masing-masingc. Serbuan ke tapak-tapak pembinaan, perladangan dan tapak industrid. Kempen kesedaran betapa pentingnya mengelakkan pemerdagangan manusiae. Mendapatkan kerjasama interpol untuk menjelaki kes jenayah / pemerdagangan manusia.f. Serbuan secara berkala ke premis-premis yang disyaki.g. Menanam kesedaran kepada setiap individu untuk mempertahankan hak dan maruah diri.
5	<p><i>Remaja amat mahal sesunggunya tiada terbeli oleh perjanjian harga remaja adalah pendirian keberanian dan ilmu.</i></p> <p>Berdasarkan petikan sajak 'Harga Remaja' di atas, terangkan kepentingan menjaga maruah diri sendiri.</p>
	<p><i>Contoh Isi</i></p> <ul style="list-style-type: none">a. Menjaga imej diri sendirib. Menjaga imej keluargac. Lahir sebagai rakyat bermaruahd. Menghasilkan masyarakat jati dirie. Memenuhi tuntutan agamaf. Mengatasi masalah sosial

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Mei 2012
2 ½ jam

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2012

BAHASA MELAYU

Kertas 2

TINGKATAN 5

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Cawangan Pahang**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

Markah penuh ; 110 markah.

Soalan 1: Rumusan

Markah penuh 30 markah dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
- (b) bahasa - 10 markah
- (a) ISI [20 markah]**

Nota:

Panduan mengira perkataan:

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
 - perkataan berganda / berulang
 - penggunaan kata sendi 'di' dan 'ke'
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) **Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja**
sebelum diperiksa.
 - (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Isi									Markah
i) Pendahuluan										2
ii) Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
iii) Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	16
iv) Penutup										2
Jumlah markah										20

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 - 17	9 – 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan / ejaan betul

Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 - 6	- Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum** ; **10 markah**]

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan

Petikan membincangkan langkah-langkah / cara-cara memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. 2 markah

Petikan membincangkan langkah-langkah memupuk perpaduan. 1 markah

Petikan membincangkan usaha-usaha memupuk perpaduan. 0 markah

Isi tersurat (4 hingga 12 markah)

1. Kerajaan memperkenalkan Rukun Negara
2. Masyarakat Malaysia hendaklah mengamalkan sikap keterbukaan
3. Ibu bapa memainkan peranan besar dalam membentuk sikap yang mulia kepada anak-anak mereka
4. Ibu bapa memahami tanggungjawab mendidik anak-anak tidak terhad kepada amalan sikap keterbukaan
5. Ibu bapa mendidik soal adab, asuhan keagamaan dan pembentukan jati diri.
6. Anak-anak diterapkan dengan nilai-nilai murni yang universal
7. Kerajaan telah memperkasakan sekolah kebangsaan untuk menyatukan generasi muda melalui pendidikan dan bahasa kebangsaan.
8. Dasar Integrasi Nasional juga telah dilancarkan
9. Dasar Ekonomi Baru pula, satu lagi usaha untuk mewujudkan kerjasama agar kekayaan negara dibahagikan sama rata.
10. Program Latihan Khidmat Negara mampu merapatkan hubungan dan menjalin perpaduan.

1 isi = 2 markah

Isi tersirat (4 hingga 12 markah)

1. Mengekalkan keamanan negara
2. Meningkatkan imej negara di mata dunia.
3. Memajukan ekonomi
4. Masyarakat Malaysia hidup dalam keadaan selamat

1 isi = 2 markah

Kesimpulan (2 markah)

Kesimpulannya, pemupukan perpaduan kaum hendaklah dipertingkat agar negara kekal aman dan sejahtera.

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
-Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
-Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugasan dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis -Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
-Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
-Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2(a) - Petikan umum

- (i) Maksud
 - asas/dasar/hukum tepat/kena pada tempatnya[2 markah]

- (ii) Masalah-masalahnya ialah;
 - sikap rakyat yang sompong
 - enggan bergaul, terutamanya di bandar-bandar besar
 - menganggap isu perpaduan tidak mendatangkan sebarang faedah
 - tidak jujur atau tidak adil terhadap orang lain
 - rakyat pula tidak memberi kerjasama
 - membantah segala program yang dilaksanakan oleh kerajaan
 Isi cukup – 3 isi
 [3 markah]

- (iii) Langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar ialah;
 - melalui aktiviti kurikulum yang melibatkan semua kaum
 - adakan kempen kesedaran tentang perpaduan
 - peranan guru memupuk perpaduan melalui proses pengajaran
 - aktiviti kumpulan dalam P&P
 - aktiviti RIMUP di sekolah
 - dasar 1 Murid 1 Sukan
 - penerapan pelajaran sivik dan kewarganegaraan
 - penghayatan prinsip Rukun Negara
 Isi cukup – 3 isi
 [4 markah]

Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

- (i) Peristiwa yang menimbulkan tekanan kepada Kepten Mamat. [2 markah]
- mengenang nasib diri / pahit getir kehidupan / bersengkang mata / mengikat perut
 - mempertaruhkan nyawa menjalankan kewajipan sehari
 - tulang belakang yang kuat menanggung beban kompeni
 - ada kelasi yang dibuang kerja dalam masa 24 jam kerana tuduhan menderhaka isi cukup - 2 isi
- (ii) usaha untuk menjaga kebijakan pekerja [3 markah]
- selalu memberi anugerah kepada pekerja
 - selalu bertanya khabar
 - empati kepada masalah pekerja
 - mencarum dalam pelbagai skim perlindungan
 - lawatan muhibah secara berkala
 - menubukan tabung kebijakan
 - anugerah pendidikan kepada anak pekerja
 - sumbangan ketika ditimpa musibah.
- isi cukup – 3 isi
- (iii) Pengajaran yang terdapat dalam petikan [4 markah]
- Pekerja hendaklah sanggup berkorban demi tugas. Contoh Kepten Mamat sanggup berkorban telah menjalankan tugas sebagai kepten kapal di sebuah syarikat perkapalan.
- Pengajaran dalam keseluruan cerpen.
- Kita hendaklah membantu orang yang berada dalam kesusahan. Contoh Kepten Mamat berjanji untuk membantu Masnah dan anak-anak setelah kematian Baharum.
 - Kita hendaklah meredai ketentuan tuhan. Contoh Masnah seharusnya reda dan meyakini bahawa kematian suaminya ditentukan oleh Allah.
 - Kita hendaklah mengelakkan daripada mempercayaai perkara yang karut. Contohnya, isteri Kepten Mamat mempercayai penyakit Masnah disembuhkan oleh bomoh.

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Klasik

(i) Maksud :

- Mengikat pencangkuk tali kapal [2 markah]

(ii) Perkara yang dilakukan oleh Awang Sulung;

- Masuk ke petak ubung
 - Bersalin pakaian pusaka tua warisan daripada bondanya
 - Mengenakan keris dan pedang yang sakti
 - Berjalan keluar. [3 markah]
- Isi cukup – 3 isi

(iii) Lanun-lanun tersebut gementar mendengar suara Awang Sulung:

- Kenal dengan suara tersebut
 - Awang Sulung berketurunan raja
 - Awang Sulung pendekar ternama
 - Seorang yang disegani
- Isi cukup – 3 isi [3 markah]

Soalan 2(d) : Sajak

(i) Sebab-sebab penyajak menasihati anak-anak agar jangan menyesal

- Madu bumi yang kekeringan
 - Isi laut kekosongan
 - Perut belantara menjadi ladang
- Isi cukup – 2 isi [2 markah]

(ii) Peranan remaja dalam mencapai wawasan pembangunan negara

- belajar bersungguh agar berjaya dalam pelajaran
 - elakkan diri daripada terlibat dalam gejala sosial
 - lengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran / kepakaran
 - menyokong dasar kerajaan
 - melengkapkan diri dengan keimanan / jati diri
 - berdaya saing
- Isi cukup – 3 isi [3 markah]

(iii) Tiga persoalan

- Persoalan mengejar arus pembangunan perlu disedari oleh anak-anak.
 - Persoalan kemajuan dan pembangunan negara tidak akan menunggu sesiapa yang leka.
 - Persoalan sumber bumi dan khazanah negara semakin berkurangan.
 - Persoalan masa depan anak bangsa yang masih leka.
- Isi cukup – 3 isi [4 markah]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagi kepada:

Soalan 3 (a) : **6** markah
Soalan 3 (b) : **6** markah
Soalan 3 (c) : **6** markah
Soalan 3 (d) : **6** markah
Soalan 3 (e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan
3. Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Jawapan 3 (a)

(i)	Mabuk laut	Pening dan muntah dalam pelayaran (dengan kapal / perahu)
(ii)	Lipat ganda	Digandakan (menjadi banyak)
(iii)	Pindah tangan	Bertukar tuan (barang / harta benda dan lain-lain)
(iv)	Tahan lasak	Kuat dan cekap buat kerja, teguh, awet (pakaian)
(v)	Harga borong	Harga sesuatu barang yang dibeli atau dijual secara borang, biasanya lebih murah daripada harga runcit.
(vi)	Sumpah seranah	Berbagai-bagai sumpah.

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(b)

- (i) Bangunan pencakar langit negara kita , Menara Berkembar Petronas..
- (ii) Sedang membeli cenderamata pelancong itu, tetapi rakan-rakannya yang lain telah pulang ke hotel.
- (iii) Daripada majikannya pemberian khidmat cemerlang itu..

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(c)

Jenis kesalahan	Salah	Betul
Ejaan	pasca modenisasi gulongan menteliti	pascamodenisasi golongan mentaliti
Imbuhan	menghadapi merbahaya berupa	berhadapan berbahaya merupakan

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(d)

Bil	Salah	Betul
1	Berbagai kemudahan	Berbagai-bagai / pelbagi kesempatan
2	Kos perbelanjaan dibayar	Kos / perbelanjaan dibiayai
3	Setengah kecekapan	Sesetengah Kemahiran / kepakaran

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3(e)

Bil	Peribahasa
1	Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak
2	Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
3	(i) Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan. (ii) Alang-alang berdakwat biar hitam. (iii) Alang-alang mandi biar basah.

Perhatian .

Hanya satu jawapan peribahasa diterima. Jawapan peribahasa mestilah lengkap dan tepat.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

Markah penuh : 15 markah

Panduan pemarkahan bagi soalan 4

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
iii) Beri 2 markah bagiuraian sebab yang lengkap/jelas
iv) Beri 1 markah bagiuraian yang kurang lengkap/kurang jelas
v) Markah isi maksimum 4 markah
vi) Markah bahasa maksimum 3 markah
vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 Baik : 3 markah
 Sederhana : 2 markah
 Lemah : 1 markah
viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
ix) Calon tidak menjawab 0 markah
 [markah maksimum 7 markah]
- (b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
iii) Beri 1 markah untuk satu teknik plot bagi setiap novel
iv) Beri 2 markah untuk setiapuraian/peristiwa yang lengkap bagi setiap novel
v) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
vi) Markah bahasa maksimum 2 markah
vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 Baik : 2 markah
 Lemah : 1 markah
viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
ix) Calon tidak menjawab 0 markah
 [maksimum : 8 markah]

Soalan 4

4a) Nilai Keberanian

- i) Novel Renyah
a) Keberanian menanggung risiko dalam perniagaan.
 Datuk Dolhi berani menghadapi risiko dengan melantik Wahi sebagai penggantinya dalam Dolhi-Albert Holding meskipun tidak disenangi oleh Albert Lee.

b) Keberanian dalam memberi teguran.
 Ameera berani menegur ilham yang tidak mahu bekerja dan hanya mundar-mandir sahaja.

- c) Keberanian dalam menyampaikan hasrat hati.
Keberanian Wahi berjumpa ayah Yuka bagi menyampaikan hasrat hatinya untuk melamar Yuka sebagai isteri.
 - d) Keberanian dalam menyatakan kebenaran.
Datuk Dolhi menyatakan kedudukannya yang sebenarnya yang Wahi merupakan anaknya dengan Mastura, isteri keduanya.
- ii) Novel Sutera Dalam Lukisan.
- a) Keberanian dalam mempertahan hak.
Bujei meminta Alias mengganti radio yang telah dirosakkannya sebayak RM 80.00. Bujei berani menegakkan haknya dan memastikan niat jahat bapa tirinya tidak berjaya dengan merosakkan surat kuasa yang perlu ditandatangannya.
 - b) Keberanian dalam mencabar orang yang lebih berkuasa.
Bujei berani mencabar Alias supaya menghalau Adila dari kampung jika benar Adila mengidap penyakit AIDS.
 - c) Keberanian dalam menghadapi risiko.
Bujei sanggup menghadapi risiko dalam usaha menyelamatkan ibunya yang terlibat dalam kebakaran.
Keberanian Adila dalam usaha memulihkan Bujei yang dianggap abnormal walaupun berhadapan dengan pelbagai bentuk fitnah.

Penyataan nilai keberanian – 1 markah.

Contoh – 1 markah.

Markah isi maksimum 4 markah.

Markah bahasa maksimum 3 markah.

4b. Teknik plot.

- a) Imbas muka.

Novel Sutera Dalam Lukisan

- Bujei membayangkan dia akan mendapat kesenangan dan berkahwin dengan Same'ah.
- Adila membayangkan Bujei dapat dipulihkan seperti manusia biasa.

Novel Renyah

- Datuk Dolhi meramalkan Wahi akan menjadi pengurus yang baik beberapa tahun yang akan datang.

- Hasnol membayangkan masalah kewangannya akan selesai dan mampu membawa isteri dan anak-anaknya makan angin di Landon jika dia menolong Tengku Munir.

b) Imbas Kembali.

Novel Sutera Dalam Lukisan.

- Ingatan semula Bujei tentang kekejaman bapa tirinya, kejadian rumahnya yang terbakar sehingga ibunya meninggal dunia dan tuduhan bapa tirinya dia yang menyebabkan kebakaran tersebut.
- Ingatan semula Bujei tentang tragedi pertama menimpanya iaitu apabila bapanya, seorang tentera meninggal dunia dalam satu kemalangan di lebuh raya Karak. Bujei telah menanam cita-cita untuk menjadi seorang tentera sebagaimana arwah bapanya.

Novel Renyah.

- Datuk Dolhi teringat bekas isterinya, Mastura ketika dalam penerbangannya pulang ke Malaysia dari Jepun. Datuk Dolhi terkenang pertama kali dia pergi ke Jepun mengikut program JICA. Terkulat-kulat dia dan rakan-rakan mencuba resepi Jepun. Rasa was-was tidak dapat dielakkan.

Saspens atau ketegangan.

Novel Sutera Dalam Lukisan.

- Pembaca bertanya-tanya sama ada Sidang Saman menyokong tindakan Harun yang ingin mendapat tanah pusaka Bujei kerana Sidang Saman meminta Harun sendiri yang mendapatkan cap jari Bujei.

Novel Renyah.

- Peristiwa Hasnol didesak dan dirasuh oleh Tengku Munir supaya meluluskan tender tender syarikatnya. Pembaca bertanya-tanya sama ada Hasnol sanggup pecah amanah dan bersetuju dengan tawaran Tengku Munir.

Teknik plot – 1 markah

Contoh dan huraihan – 2 markah.

Markah isi maksimum 6.markah

Markah bahasa maksimum 2 markah.

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT